



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 101/2025

TERKESAN TRAGEDI 2024

JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA TERJEMAH INISIATIF WHOLE-OF-GOVERNMENT MENERUSI SEKOLAH ANGKAT MADANI 30 DISEMBER 2025

1. Puan Azura binti Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menyempurnakan Majlis Peluncuran Sekolah Angkat MADANI di KAFA Integrasi Manbaul ULUM, Serdang, Selangor, hari ini.
2. Program Sekolah Angkat MADANI merupakan inisiatif Kerajaan MADANI berteraskan pendekatan *whole-of-government*, bertujuan memperkukuh kerjasama strategik antara agensi kerajaan, sektor swasta dan institusi pendidikan bagi meningkatkan kualiti pembelajaran serta kesejahteraan warga sekolah.
3. Pelaksanaan program ini turut dipacu oleh keprihatinan KBS terhadap tragedi yang meragut nyawa seorang murid tahun enam pada tahun 2024, dipercayai akibat renjatan elektrik daripada tiang besi di laluan pejalan kaki sekolah. Susulan insiden tersebut, peruntukan berjumlah RM100,000 telah disalurkan khusus untuk melaksanakan kerja naik taraf dan penyelenggaraan bagi memastikan keselamatan warga KAFA Integrasi Manbaul ULUM sentiasa terjamin dan tragedi serupa tidak berulang.
4. Skop kerja merangkumi pembaikan keseluruhan pendawaian elektrik, penggantian bumbung yang rosak, penyelenggaraan kemudahan asas, pemberian aset pendidikan serta pelaksanaan program bimbingan kepada guru dan pelajar sebagai usaha memperkasa sistem sokongan sekolah secara menyeluruh.
5. Menurut Ketua Pengarah JBSN, Program Sekolah Angkat MADANI bukan sahaja menaik taraf infrastruktur, tetapi turut memberi manfaat

jangka panjang melalui penyediaan persekitaran pembelajaran yang lebih selamat, kondusif untuk generasi akan datang.

6. Beliau menegaskan bahawa inisiatif ini merupakan manifestasi usaha Kerajaan untuk memastikan aspek keselamatan dan pendidikan diberi keutamaan melalui kerjasama rentas agensi yang lebih tersusun dan inklusif serta menyokong sekolah-sekolah yang memerlukan perhatian tambahan.
7. Pelaksanaan Program Sekolah Angkat MADANI di KAFA Integrasi Manbaul ULUM turut dilaksanakan melalui kerjasama pelbagai pihak antaranya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan, Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) KBS, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Universiti Putra Malaysia (UPM), pertubuhan belia setempat serta sokongan guru dan ibu bapa.
8. Kerja-kerja naik taraf yang bermula sejak September lalu merangkumi pembaikan pendawaian elektrik secara menyeluruh, penggantian struktur bumbung serta penyelenggaraan kemudahan asas bagi memastikan keselamatan dan keselesaan warga sekolah terjamin.
9. Program Sekolah Angkat MADANI dikendalikan oleh JBSN dengan kerjasama Kementerian Kewangan bagi menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih baik, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai Kesejahteraan dan Ihsan.
10. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai penganjuran majlis ini, boleh menghubungi Hakimi Hassim di talian 012-3901825 atau melalui e-mel hakimi@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

